

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH :

RUJUKAN : 10660

SOALAN:

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan berapakah statistik kadar kes
jenayah di Malaysia tahun 1988-2017 dan perbandingan dengan
negara-negara Islam dan negara barat yang lain.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dalam mengukur kes jenayah yang berlaku dalam negara, pihak PDRM telah membahagikan kejadian jenayah kepada dua kategori iaitu Jenayah Indeks dan Jenayah Bukan Indeks. “Jenayah Indeks” adalah jenayah yang kerap dilaporkan dan mempunyai signifikansi yang memadai untuk dianggap sangat mustahak sebagai petunjuk kepada keadaan jenayah.

“Jenayah Bukan Indeks” pula adalah kes-kes jenayah yang mana kekerapan kejadiannya tidak boleh dijadikan pengukur trend jenayah.

Berdasarkan statistik mengikut pecahan setiap 5 tahun, Jenayah Indeks adalah sebanyak 351,555 kes bagi tahun 1988 sehingga 1992, sebanyak 445,914 kes bagi tahun 1993 sehingga 1997, sebanyak 800,380 kes bagi tahun 1998 sehingga 2002, sebanyak 876,328 kes bagi tahun 2003 sehingga 2007, sebanyak 930,449 kes bagi tahun 2008 sehingga 2012 dan sebanyak 602,673 kes bagi tahun 2013 sehingga 2017.

Perbandingan kadar jenayah dengan negara-negara Islam atau negara-negara barat yang lain sukar dibuat memandangkan setiap negara mempunyai kategori tersendiri kesalahan jenayah yang diklasifikasikan sebagai jenayah indeks atau jenayah bukan indeks yang tidak sama dengan negara ini.

SOALAN : 13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI ABD. HADI B. AWANG
(MARANG)**

RUJUKAN : 10661

SOALAN :

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan kadar ketakutan terhadap jenayah
dalam kalangan rakyat di Semenanjung dan Sabah Sarawak dalam
tempoh 2007-2017 berdasarkan hasil kaji selidik Petunjuk Persepsi
Jenayah (PCI) PEMANDU dan bagaimanakah kaedah pengiraan
yang dipakai.**

JAWAPAN:

Kaji Selidik Petunjuk Persepsi Jenayah (PCI) yang dijalankan secara rintis di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah (sebahagian daripada inisiatif di bawah Program Transformasi Negara) pada tahun 2016 tertumpu kepada kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja. Pada tahun 2016, Kuala Lumpur telah mencatat kadar ketakutan orang awam terhadap jenayah pada tahap 61%.

Pada tahun 2017, selain Kuala Lumpur, kaji selidik ini telah diperluaskan ke negeri Selangor, Pulau Pinang dan Johor yang dikenal pasti sebagai 'hotspot states' oleh Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK), PDRM. Hasil daripada kaji selidik Petunjuk Persepsi Jenayah bagi tahun 2017, adalah didapati bahawa kadar ketakutan orang awam terhadap jenayah adalah seperti berikut: -

- | | |
|-----------------|-------|
| 1. Kuala Lumpur | - 42% |
| 2. Selangor | - 37% |
| 3. Pulau Pinang | - 33% |
| 4. Johor | - 35% |

Kaedah pengiraan yang digunakan bagi Kaji Selidik Petunjuk Persepsi Jenayah ini mengandungi 15 soalan berdasarkan empat komponen berikut: -

No.	Komponen	Definasi
1	Penguat <i>(Amplifiers)</i>	Merujuk kepada liputan jenayah dan bagaimana liputan diuar - uarkan melalui media sosial, akhbar alternatif dan dari mulut ke mulut.
2	Penanda <i>(Signals)</i>	Merujuk kepada persekitaran dari segi keadaan bangunan dan juga gejala sosial di kawasan berhampiran.
3	Ruangku <i>(My Space)</i>	Merujuk kepada dua faktor, iaitu daya keyakinan diri ketika berada di luar rumah dan juga terhadap bantuan anggota polis ketika berhadapan dengan situasi jenayah.
4	Perkhidmatan <i>(Service)</i>	Merujuk kepada pengalaman responden ketika berurusan dengan pihak polis.

Bagi setiap komponen, responden diberi pilihan untuk memberi penarafan dari skala 1 hingga 5, di mana skala 1 merujuk kepada perasaan paling selamat dan skala 5 merujuk kepada perasaan paling takut.